

Asia Timur perlu dijadikan zon aman — PM

KUALA LUMPUR 5 Ogos — ~~Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad~~ meminta supaya Asia Timur dijadikan sebagai sebuah zon aman, stabil dan makmur sebagaimana yang dikecapi oleh ASEAN dalam tempoh 25 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya keadaan tersebut, Asia Timur mungkin berupaya mengubah arah sejarah dan masa depan khususnya bagi lebih suku daripada jumlah penduduk Asia Timur dan secara tidak langsung nasib umat manusia.

"Selepas suku abad, komuniti ASEAN kini menikmati keadaan yang aman, stabil dan makmur. Sejarah boleh dicipta semula dengan membolehkan ia berulang lagi. Tetapi ia boleh menjadi pendidik yang amat besar dan sumber inspirasi yang utama.

"Zaman pembaharuan Asia tidak akan datang dalam hidup saya. Saya berdoa ia akan datang dalam hidup anda," kata beli-

au ketika berucap merasmikan Kongres Pemimpin-pemimpin Muda Asia Timur yang pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini.

Kongres anjuran Pemuda Barisan Nasional itu dihadiri oleh lebih 100 peserta dari Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, Singapura, China, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Thailand dan Malaysia.

Beliau memberitahu, langkah untuk membangunkan rantau Asia Timur sebagai sebuah kawasan yang aman, tidak bermakna tindakan tersebut akan mengalihkan tumpuan ke atas aspek-aspek lain dan juga terhadap rantau-rantau lain.

"Inilah masa untuk melaksanakan proses jangka panjang yang mana destinasi terakhir seharusnya merupakan Pembaharuan Asia yang komprehensif, yang dicipta berdasarkan tradisi asli Asia dan etika masyarakat Asia," katanya.